



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Bilangan 18/2022**

**MERIZABKAN TANAH DALAM KAWASAN PENEMPATAN BERKELOMPOK  
SELARAS DENGAN AKTA TANAH (KAWASAN PENEMPATAN  
BERKELOMPOK) 1960 [AKTA 530] BAGI KEGUNAAN KERAJAAN  
PERSEKUTUAN**

---

**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Kementerian Tenaga dan Sumber Asli  
Putrajaya  
2022**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2022

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperoleh semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

**Maklumat Dokumen**

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 18/2022
Disediakan oleh	Bahagian Dasar dan Konsultasi, Sektor Kemajuan Pengurusan dan Perundangan, Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Aras 3, Wisma Sumber Asli, No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62574 Putrajaya
Telefon	03-8871 2669
Faks	03-8881 0802
E-mel	<a href="mailto:bdk@jkptg.gov.my">bdk@jkptg.gov.my</a>
Kategori dokumen	Terbuka
Tarikh kuat kuasa	

**Kawalan Versi Dokumen**

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan

**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
BILANGAN 18/2022**

**Merizabkan Tanah Dalam Kawasan Penempatan Berkelompok Selaras Dengan  
Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530] Bagi  
Kegunaan Kerajaan Persekutuan**

**TUJUAN**

Pekeling ini bertujuan untuk menasihati Pentadbir Tanah berhubung keperluan perizaban mana-mana tanah kawasan penempatan berkelompok bagi tujuan kegunaan awam bagi maksud Kerajaan Persekutuan selaras dengan Akta Tanah (Kawasan Penempatan Berkelompok) 1960 [Akta 530].

**PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

2. Pihak Berkuasa Negeri boleh memberimilik tanah pegangan luar bandar dan bandar di kawasan penempatan berkelompok sepetimana yang diperuntukkan melalui seksyen 10 Akta 530, tertakluk kepada syarat-syarat yang diperuntukkan melalui seksyen 14 dan 19 Akta 530 bagi tanah pegangan luar bandar dan subseksyen 7(3) dan seksyen 27 Akta 530 bagi tanah pegangan bandar.

3. Syarat-syarat yang diperuntukkan bagi tanah pegangan luar bandar melalui seksyen 14 dan 19 Akta 530 adalah seperti berikut:

*"14. (1) Subject to subsection (2), a rural holding may be alienated only to one individual person qualified in accordance with section 19 and no joint ownership of a rural holding shall at any time be permitted.*

*(2) A rural holding may be alienated and jointly held by not more than two holders."*

*"19. (1) No person, other than a citizen, shall be eligible to occupy a rural holding so long as such holding continues to be State land.*

*(2) No person who is a proprietor or co-proprietor of any land other than—*

*(a) country land not exceeding two acres in area;*

*(b) a single plot of town land used solely for his own residential purposes; or*

(c) both such country and town land,

*shall be eligible to occupy a rural holding so long as such holding continues to be State land:*

*Provided that, where a group settlement area is declared for the purpose of supplementing existing uneconomic small holdings, the State Authority may direct that the maximum of two acres specified in paragraph (a) be increased to not more than six acres:*

*And provided that for the purposes of this subsection the word "person" includes the husband or wife of a person and in calculating the area of country land referred to in paragraph (a) any land held separately by a husband and wife shall be aggregated:*

*And provided further that any person who is in occupation of a rural holding shall not be disqualified from continuing in occupation by reason only of subsequent acquisition of any land or interest therein by inheritance or gift inter vivos."*

4. Syarat-syarat yang diperuntukkan bagi tanah pegangan bandar melalui subseksyen 7(3) dan seksyen 27 Akta 530 pula adalah seperti berikut:

*"7 (3) An urban holding shall comprise one or more parcels of land in an urban settlement area for occupation by a person, persons or corporation for such one or more of the following purposes as may be specified by the Director with the approval of the State Authority, namely, commercial, industrial or residential purposes or purposes of public utility."*

*"27. Every document of title to an urban holding shall specify which of the purposes mentioned in subsection 7(3) shall apply to such holding and there shall be implied in every such document of title the condition that the holding shall be used for no other purpose."*

5. Tiada peruntukan memboleh dalam Akta 530 yang membenarkan Pihak Berkuasa Negeri meluluskan pemberimilikan tanah dalam kawasan penempatan berkelompok kepada Kerajaan Persekutuan bagi maksud awam atau untuk kegunaan Kerajaan Persekutuan selaras dengan Senarai Pertama atau Senarai Bersama Jadual Kesembilan Perlembagaan Persekutuan.

6. Bagi membolehkan infrastruktur awam atau aktiviti bagi maksud Kerajaan Persekutuan selain utiliti awam dapat dibina atau dikawal dan diselenggara oleh Kerajaan Persekutuan, Pihak Berkuasa Negeri perlu merizabkan sesuatu tanah

dalam kawasan penempatan berkelompok untuk maksud awam melalui peruntukan seksyen 8 Akta 530 yang memperuntukkan seperti berikut:

*"8. The Director may by notification in the Gazette reserve any land in a group settlement area which is needed for any public purpose and the provisions of the State land law relating to the reservation of land for public purposes shall apply mutatis mutandis to any such reservation."*

7. Pegawai Pengawal bagi perizaban tanah tersebut adalah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Pewartaan bagi maksud perizaban tersebut boleh dilaksanakan oleh Pentadbiran Tanah Negeri seakan tindakan pewartaan untuk maksud awam seperti peruntukan seksyen 62 Kanun Tanah Negara (Disemak-2020) [Akta 828].

## **PEMBATALAN**

8. Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 17 Tahun 1976 bertajuk "Merizabkan Tanah Di Dalam Kawasan Penempatan Berkelompok (Group Settlement Area) Untuk Kegunaan Kerajaan Persekutuan (Disemak 2009)" adalah dibatalkan.

## **PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA**

9. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.



**(DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN)**  
**KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**

No. Fail : JKPTG.BDK.100-1/3/1

Tarikh : 1.11.2022